

Dasar Telekomunikasi lebih berkesan dan teratur — PM Ke arah negara cendekia

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 17 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini, melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara (DTN) yang mempunyai misi sebagai penggerak utama ke arah pewujudan negara cendekia (*intelligent state*) dan bermaklumat tinggi.

Ketika berucap melancarkan dasar itu, Perdana Menteri berkata, beliau yakin dengan adanya DTN sektor telekomunikasi di Malaysia dapat dibangunkan dengan lebih berkesan, teratur, cekap dan bersaing.

Di peringkat nasional, kata Perdana Menteri, DTN diharap dapat mewujudkan suasana persaingan secara teratur supaya sumber-sumber negara dapat digunakan secara optimum.

“Di samping itu, DTN juga diharap dapat memberi pan-

duan kepada perkembangan sektor telekomunikasi supaya ia lebih berkesan, bermutu dan sebanding dengan keadaan di negara-negara maju,” katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun pendapat pihak swasta mengenai DTN harus diberi penilaian dan pandangan yang serius supaya DTN tidak mengganggu pertumbuhan industri dan khidmat telekomunikasi di negara ini.

“Kita harus bersedia menyesuaikan dasar supaya ia tidak mengganggu perkembangan khidmat dan industri ini,” katanya.

DTN mengandungi dua komponen objektif iaitu objektif makro dan mikro.

Objektif makro DTN adalah ke arah menyokong pencapaian matlamat Dasar Pembangunan Negara iaitu perpaduan negara dan integrasi nasional melalui penggalakan interaksi antara kaum dan wilayah berasaskan

■ Lihat muka 2

ke arah negara cendekia

kemudahan dan perkhidmatan telekomunikasi.

Di samping itu, DTN juga bertujuan membantu pencapaian matlamat Wawasan 2020 dalam pewujudan masyarakat berpengetahuan dan bermaklumat melalui penggunaan rangkaian telekomunikasi yang moden dan canggih.

Penyebaran dan perluasan teknologi maklumat akan menghasilkan rakyat yang berupaya menyumbang kepada pembangunan teknologi baru bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan perindustrian negara.

Di samping teknologi maklumat, penggunaan semua jenis teknologi telekomunikasi akan dipertingkatkan ke semua sektor ekonomi negara.

Objektif mikro DTN pula ialah:

- Menyediakan perkhidmatan telekomunikasi yang moden, canggih, bermutu dengan harga yang berpatutan.
- Menentukan supaya perkhidmatan telefon diperluas kepada rakyat luar bandar dan dalam bandar pada harga yang munasabah.
- Menentukan supaya infrastruktur telekomunikasi mencukupi dan berkesan ke arah menyokong usaha-usaha perindustrian negara.
- Menggalakkan pertumbuhan perkhidmatan-perkhidmatan tambah-nilai.
- Menentukan supaya pembangunan sumber manusia selaras dengan keperluan-keperluan sektor telekomunikasi.
- Menentukan supaya industri-industri pembuatan tempatan bagi peralatan telekomunikasi terus berkembang dan maju.
- Menentukan supaya pengusaha-pengusaha perkhidmatan telekomunikasi menggunakan keluaran-keluaran tempatan.

● Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R & D) bagi memudahkan penyerapan teknologi baru serta peningkatan kemudahan dan perkhidmatan telekomunikasi.

● Meningkatkan perhubungan di antara negara-negara ke arah menjadikan Malaysia sebuah pusat telekomunikasi antarabangsa.

● Menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat telekomunikasi negara menembusi pasaran antarabangsa serta melabur di negara-negara asing dalam sektor telekomunikasi secara sihat.

● Menentukan pengurusan sumber spektrum radiokomunikasi ditadbir dengan cekap dan adil.

● Menggalakkan penyertaan aktif usahawan-usahawan bumiputera dalam perkembangan semua sektor telekomunikasi negara selaras dengan dasar Masyarakat Perdagangan Perindustrian Bumiputera.

Bagi mencapai objektif-objektif tersebut, DTN menggariskan lapan strategi utama iaitu:

- Perluasan perkhidmatan secara sistematik dan menyeluruh.
- Pembangunan industri perkilangan tempatan yang strategik dan berciri orientasi eksport.
- Penggalakan dayasaing.
- Penyelidikan dan pembangunan untuk peningkatan penggunaan teknologi.
- Pembangunan sumber manusia yang dinamik dan inovatif.
- Mempertingkatkan kemudahan-kemudahan telekomunikasi luar bandar.
- Penggalakan penyertaan aktif bumiputera.
- Interaksi strategik antarabangsa.